

MAHATHIR-SAPURA

1983

KUALA LUMPUR 23 JULAI BERNAMA - DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN BAHAWA DASAR PANDANG KE TIMUR ADALAH UNTUK RAKYAT DAN MEREKALAH YANG BOLEH MENENTUKAN KEJAYAANNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA TUJUAN KERAJAAN MEMANDANG KE TIMUR BUKANLAH SANGAT UNTUK KEPENTINGAN KERAJAAN KERANA KEADAAN SEKARANG TIDAK MERUGIKAN KERAJAAN.

BERUCAP MERASHMIKAN KOMPLEKS SAPURA HOLDINGS DI KAWASAN PERDAGANGAN DEBAS HULU KELANG DEKAT SINI HARI INI, BELIAU MENEGASKAN BAHAWA KEJAYAAN NEGARA MELALUI DASAR PANDANG KE TIMUR ITU AKAN MEMBAWA KEBAIKAN KEPADA RAKYAT.

KATANYA ORANG JEPUN DAN KOREA SELATAN MEMPEROLEHI PENDAPATAN DAN TARAF HIDUP YANG LEBIH RENDAH DARI RAKYAT MALAYSIA PADA MASA DAHULU, TETAPI SEKARANG DENGAN SIKAP YANG POSITIF YANG MEREKAN ANUTI ITU HIDUP MEREKAN MENJADI MEWAH DAN SEMPURNA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KESAL KERANA WALAUPUN KERAJAAN MENGANJURKAN DASAR PANDANG KE TIMUR ITU LEBIH DARI SETAHUN, MASIH RAMAI YANG TIDAK FAHAM MANSUD DAN TUJUANNYA DAN ADA YANG MENDAKWA DASAR ITU MERUGIKAN KERANA KONTRAK BINAAN DAN BEKALAN DIMENANGI OLEH ORANG JEPUN DAN KOREA.

-- LAGI 1724/LK

MAHATHIR-SAPURA 2 KUALA LUMPUR

ISAYA SENDIRI BUKAN FAHAM KENAPA MALAH FAHAM INI MASIH BERLAKU. APABAH KERANA KITA BENTUK DASAR UNTUK KITA HANA ORANG LAIN TERPAKSA LEBIH BERTANGGUNGJAWAB MEREKAN TIDAK SURUH PANDANG KE ARAH MEREKAN, KATA PERDANA MENTERI.

KATANYA MALAYSIA BUKANLAH PENGEMIS DAN MALAYSIA TIDAK MEMBENTUK DASAR YANG MEMERLUKAN ORANG LAIN BERTINDAK.

KITA BENTUK DASAR UNTUK DIRI KITA DAN KITALAH YANG BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MELAKSANAKAN DASAR ITU. SAMADA DASAR ITU BERJAYA ATAU TIDAK ADALAH MASALAH DAN TANGGUNGJAWAB KITA, TEGASNYA LAGI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DASAR PANDANG KE TIMUR TIDAK BERMAKNA ORANG LAIN NESTI PIKUL BEBAN NEGARA ATAU MEREKAN MENDAPAT LAYANAN ISTIMEWA.

DASAR PANDANG KE TIMUR CUMA BERMAKNA KITA AKAN PALING KE TIMUR UNTUK MELIHAT DAN MEMPELAJARI BAGAIMANA BEBERAPA BANGSA TIMUR BERJAYA MEMBANGUNKAN NEGARA MEREKAN DAN BERSAING DENGAN BANGSA-BANGSA LAIN, KATANYA. --LAGI 1740/PA

+ JIKA MEREKA INI BERJAYA TENTULAH ADA SEBAB-SEBABNYA, INILAH YANG KITA HENDAK TAHU DAN HENDAK TIRU JIKA SESUAI DENGAN KITA DAN TIDAK BERTENTANGAN DENGAN SEGALA NILAI-NILAI YANG BAIK YANG DIJUNJUNG OLEH KITA, + TAMBAHNYA.

ASAS-ASAS YANG MENYEBABKAN KEJAYAAN BEBERAPA NEGERI TIMUR ITU YANG DIKETAHUI IALAH KERAJINAN, TIDAK MUDAH TAWAR HATI DAN PECEWA, KESETIAAN KEPADA BADAN YANG MENJADI TEMPAT KERJA, SABAR DAN TABAH HATI, DEDIKASI TERHADAP PENINGKATAN DATA PENGELUARAN DAN MUTU, KECANGGUPAN BELAJAR DAN MELATIH DIRI DISIPLIN DAN BERTANGGUNGJAWAB.

KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR HAMPIR SEMUA PERKARA ITU TIDAK ADA PARA RAKYAT MALAYSIA ATAU JIKA ADAPUN TIDAK MENCURUPI.

+ SELAMA KITA MENDEWA-DEWAKAN BARAT BANYAKLAH NILAI DAN AMALAN YANG BURUK YANG TELAH KITA SERAPKAN, + KATANYA.

KERANA PENYERAPAN ITU, MEMANDANG DAN MEMIRU ORANG TIMUR MENJADI BEGITU SUKAR SEHINGGA RAMAI JUGA DARI RAKYAT YANG MENENTANG ATAU KURANG SENANG DENGAN DASAR PANDANG KE TIMUR ITU, KATANYA LAGI. --LAGI 1742/PA

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN PADA DASRNYA TIDAK MENGHALANG KAKITANGAN KERAJAAN, TERUTAMANYA BUHUPUTERA, MELETAKAN JAWATAN UNTUK MEMASUKI SEKTOR PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN.

INILAH SEBABNYA KERAJAAN TELAH MENGADAKAN RANCANGAN LATIHAN PENGURUSAN ISTIMEWA BAGI KAKITANGAN KERAJAAN YANG INGIN MEMASUKI BIDANG PERNIAGAAN.

KATANYA PENGALAHAN MEREKA DALAM PERKHIDMATAN AWAM HUNGGIN MEMBANTU MEREKA MENGURUS DAN MENGENDALIKAN PERNIAGAAN TETAPI PENGALAHAN ITU BELUM DAPAT MEMASTIKAN KEJAYAAN KHUSUSNYA DALAM PERNIAGAAN YANG TERDAPAT PERSAINGAN KETAT YANG MEMERLUKAN LATIHAN DALAM BIDANG PENGURUSAN.

ITIDAK ADA SESUATU YANG LEBIH PENTING DALAM PERNIAGAAN DARIPADA KECERAPAN MENGURUS, + TEGASNYA.

BELIAU JUGA MEMEKANNKAN PERLU NYA PEGAWAI KERAJAAN MAUPUN PENIAGA-PENIAGA DAN PENGUSAHA-PENGUSAHA MEMBERI LAYANAN YANG BAIK ANTARA SATU SAMA LAIN.

KATANYA RAMAI DARIPADA PEGAWAI YANG KEMUDIANNYA MENJADI PENIAGA TERPAKSA MENGADAKAN HUBUNGAN DENGAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN DAN RAMAI PULA YANG MENDAPATI BAHAWA SINAP PEGAWAI KERAJAAN TERHADAP MEREKA TIDAK BEGITU MENGGALAKAN.

--LAGI 1746/PA

MAHATHIR-SAPURA & KUALA LUMPUR

KATA PERDANA HENTERI INI MERUPAKAN SATU GEJALA YANG BOLEH MENJADI PELAJARAN KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN TENTANG PENTINGNYA SIKAP POSITIF DARI MEREKA.

+ LAYANAN YANG BAIK YANG KITA BERI SEBAGAI SATU AHLALAH BUKAN BUKAN SAHAJA AKAN DIBALAS KEMUDIAN HARI APABILA KITA BERHENTI DARI MENJADI KAKITANGAN KERAJAAN TETAPI IA AKAN MEMBERI KERUBASAN KEPADA DIRI KITA, + TEGASNYA.

MEMURUT BELIAU SAMA ADA SESEORANG BERHINTA DENGAN INDUSTRI PER-KHIDMATAN ATAU TIDAK NEJAYATANNYA BANYAK BERGANTUNG KEPADA LAYANAN YANG DIBERIKAN KERANA TIDAK ADA SESUATU YANG LEBIH MENARIK DARI LAYANAN YANG BAIK.

+ SYARIKAT-SYARIKAT PEKERANGAN TIKUR, TERMASUK HAS, TIDAK HUNGRIN DERSEJING DENGAN SYARIKAT NEGARA MAJU TANPA LAYANAN YANG DIBERI DENGAN SENYUMAN YANG HANIS, + KATAHNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENINGGATKAN PENGUSAHA-PENGUSAHA BUKHUPUTERA SUPAYA JAGHAN TERLALU BERGANTUNG KEPADA BANTUAN KERAJAAN KERANA +PERTOLONGAN DARI KERAJAAN ADALAH SEPERTI TONGKAT BAGI ORANG YANG TEMPANG DAN SUDAH TENTU ORANG YANG BERTONGKAT TIDAK HUNGRIN MENANG DALAH PERLUBAAAN BERJALAN APATAH LAGI PERLUBAAAN BERLARI, +  
---BERNAMA ITSO/PA